



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

DOF SARAN LANGKAH-LANGKAH MENGHADAPI JEREBU BAGI NELAYAN DAN PENTERNAK AKUAKULTUR

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) amat prihatin dengan keadaan cuaca dan tahap kualiti udara yang semakin buruk ketika ini. Berdasarkan tren bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU), kualiti udara di beberapa tempat terutamanya Pulau Pinang, Selangor dan Sarawak adalah sangat tidak sihat. Akibatnya banyak aktiviti luar bangunan yang terpaksa ditangguhkan bagi mengelakkan masalah kesihatan.
2. Justeru itu, YBhg. Dato' Hj. Munir B. Hj. Mohd Nawi selaku Ketua Pengarah Perikanan menasihati agar semua nelayan dan penternak akuakultur seluruh negara untuk mengambil langkah-langkah kawalan dan keselamatan serta kesihatan di musim jerebu dengan cuaca yang tidak menentu ketika ini.
3. Bagi penternak akuakultur dinasihatkan untuk;
 - i. Mengurangkan kadar jumlah kemasukan benih ikan ke dalam sistem ternakan bagi mengurangkan kepadatan ikan dan mengelakkan tekanan.
 - ii. Kadar pemberian makanan yang sepatutnya kepada ternakan.
 - iii. Menuai ikan yang telah mencapai saiz pasaran.
 - iv. Penggunaan peralatan seperti blower, paddle wheel atau teknologi terkini untuk meningkatkan kadar oksigen terlarut dalam air.
 - v. Hendaklah sentiasa memastikan sistem ternakan terutama sangkar berada dalam keadaan baik dan selamat.
4. Pencegahan awal seharusnya dibuat oleh setiap penternak akuakultur bagi mengelakkan risiko kematian ikan ternakan kolam/sangkar/tangka. Ini juga bagi mengurangkan kadar kerugian yang perlu ditanggung para penternak.

5. Manakala bagi kumpulan nelayan pula dinasihati agar tidak mengadakan aktiviti luar yang tidak diperlukan bagi mengelakkan sebarang masalah kesihatan.
6. Sentiasa berwaspada terhadap tahap keselamatan sepanjang berada di laut bagi mengelakkan risiko pelanggaran.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

20 September 2019 (Jumaat) jam 9.00 pagi.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my